



**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT  
ADLY BIN ZAHARI  
TIMBALAN MENTERI  
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**PROGRAM PEDULI VETERAN (PPV)**

**1 APRIL 2023 (SABTU)  
PERMATANG PASIR, PULAU PINANG**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

**(BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM)**

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين

وعلى آله وصحبه أجمعين

(ALHAMDULILLAHIROBBIL 'ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU  
'ALA ASROFIL AMBIYA IWAL MURSALIN WA'ALA ALIHI WASOHBIBI  
AJ MA'IN)

SEGALA PUJI DAN SYUKUR DIPANJATKAN KE HADRAT ALLAH  
SUBHANAHU WATA'ALA TUHAN SEKALIAN ALAM SERTA SELAWAT  
DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN KITA NABI MUHAMMAD  
SALALLAH ALAIHI WASALAM, PARA SAHABAT DAN KELUARGA  
BAGINDA.

**(SENARAI SALUTASI AKAN DILAMPIRKAN KEMUDIAN OLEH  
JHEV ATM CAWANGAN NEGERI PULAU PINANG )**

YANG BERBAHAGIA DATO'-DATO, PARA PRESIDEN / YDP / TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, HADIRIN HADIRAT YANG DIKASIHI SEKALIAN.

### **PENDAHULUAN**

ALHAMDULILLAH, SEGALA PUJIAN DAN SYUKUR SAYA RAFAK KE HADRAT ALLAH S.W.T YANG TELAH MENGANUGERAHI KITA BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK, BULAN YANG PENUH KEBERKATAN DAN GANDAAN PAHALA MELEBIHI SERIBU BULAN. SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD S.A.W DAN KELUARGA SERTA PARA SAHABAT BAGINDA YANG MULIA.

MARILAH KITA PANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN RAHMAT-NYA, ✓ DIIZINKAN KITA BERHIMPUN DI DEWAN ORANG RAMAI PERMATANG PASIR PADA HARI INI BERSEMPENA PROGRAM PEDULI VETERAN (PPV) KEMENTERIAN PERTAHANAN.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG DAN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN YANG BERBAHAGIA DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN KE

MAJLIS YANG DIANJURKAN OLEH KEMENTERIAN PERTAHANAN INI MELALUI JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM.

SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA YANG BERHORMAT ADUN PERMATANG PASIR KERANA MEMBENARKAN DEWAN YANG TERSERGAM INDAH INI DIGUNAKAN UNTUK MAJLIS PADA HARI INI. TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA SEMUA KERANA SUDI MELUANGKAN MASA UNTUK BERTEMU DAN SETERUSNYA BERBUKA PUASA BERSAMA-SAMA ~~DENGAN SAYA~~ PADA HARI KESEPULUH (10) KITA BERPUASA PADA HARI INI.

SEPERTI MANA FIRMAN ALLAH S.W.T DALAM SURAH AL-BAQARAH AYAT 183 YANG BERMAKSUD: "HAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN, DIWAJIBKAN ATAS KALIAN BERPUASA SEBAGAIMANA DIWAJIBKAN ATAS ORANG-ORANG SEBELUM KALIAN AGAR KALIAN BERTAQWA". SAYA MENDOAKAN AGAR KITA SEMUA DIANUGERAHKAN KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN DIRI UNTUK MENJALANI IBADAH INI HINGGA KE AKHIRNYA. AAMIN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

BERPUASA DI BULAN RAMADHAN MERUPAKAN RUKUN ISLAM YANG KETIGA. SELAIN DARIPADA MENAHAN LAPAR DAN DAHAGA DI SIANG HARI, BERPUASA TURUT MENGAJAR KITA ERTI KESABARAN, KETABAHAN DAN SELALU MENSYUKURI NIKMAT YANG DIPEROLEHI.

SEHUBUNGAN ITU, SAYA SECARA PERIBADI SANGAT BRSYUKUR KERANA KEMENTERIAN INI SENTIASA CAKNA DAN PRIHATIN DENGAN KEBAJIKAN VETERAN ATM. RASA LAPAR DAN DAHAGA DI BULAN RAMADHAN BUKAN PENGHALANG UNTUK KEMENTERIAN DAN JHEV MENERUSKAN AGENDA YANG TERANCANG MALAH SEMAKIN RANCAK DALAM MENDENGAR KELUH-KESAH DAN MERENCANAKAN TINDAKAN YANG WAJAR DIAMBIL DEMI KESEJAHTERAAN KOMUNITI VETERAN.

UNTUK MAKLUMAN SEMUA, KERAJAAN MELALUI KEMENTERIAN PERTAHANAN SENTIASA RESPONSIF DAN PRIHATIN DENGAN NASIB DAN HAL EHWAL VETERAN. MALAH, ASPEK KESEJAHTERAAN VETERAN TELAH MENJADI SALAH SATU TERAS UTAMA DALAM PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN

PERTAHANAN DAN DITEMPATKAN DI BAWAH PORTFOLIO SAYA SEBAGAI TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN.

SEHUBUNGAN ITU, PROGRAM PEDULI VETERAN INI BERTINDAK SEBAGAI SATU PELAN TINDAKAN DAN PLATFORM UNTUK SAYA ~~TURUN PADANG~~ MENYANTUNI, MENDEKATI DAN MENDENGAR SECARA LANGSUNG MAKLUM BALAS DARIPADA WAKIL-WAKIL VETERAN DI SETIAP NEGERI.

PROGRAM INI JUGA ADALAH ANTARA TANDA KOMITMEN DAN ILTIZAM KEMENTERIAN YANG MENGAMBIL SERIUS TENTANG PERMASALAHAN DAN KEBAJIKAN VETERAN ATM SELAIN MEMINTA JHEV ATM TERUS MEMAINKAN PERANAN DENGAN CEKAP DALAM MEMASTIKAN KEBAJIKAN VETERAN ATM TERUS TERPELIHARA.

DI MAJLIS INI JUGA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA PIHAK JHEV ATM YANG SECARA BERTERUSAN TELAH MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DALAM MEMASTIKAN SETIAP INISIATIF BANTUAN KEBAJIKAN, PERUBATAN, PENDIDIKAN DAN PERUMAHAN DILAKSANA, SERTA DIURUS DENGAN CEKAP DAN BERKUALITI.

MALAH, JHEV TURUT KOMITED DALAM MENGENAL PASTI SEBARANG PELUANG YANG BOLEH MEMANFAATKAN PARA VETERAN DAN TANGGUNGAN DEMI AGENDA MEMPERKASAKAN ASPEK KEBAJIKAN VETERAN SELARAS DENGAN PEMBANGUNAN MALAYSIA MADANI.

### **PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN UNTUK**

#### **INISIATIF KEBAJIKAN VETERAN**

YANG BERBAHAGIA DATO'-DATO, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN,

KEBAJIKAN VETERAN ATM TIDAK PERNAH DIPINGGIRKAN. SABAN TAHUN, KEMENTERIAN TELAH MENYALURKAN SEJUMLAH PERUNTUKAN KEPADA JHEV ATM UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM BANTUAN KEBAJIKAN DAN PERUBATAN SERTA PENINGKATAN KUALITI HIDUP VETERAN ATM. BERDASARKAN PERBELANJAAN TAHUN 2022, KEMENTERIAN TELAH MEMBELANJAKAN LEBIH DARIPADA RM160 JUTA BAGI TUJUAN KEBAJIKAN VETERAN DAN TANGGUNGAN.



KERAJAAN TURUT PRIHATIN DENGAN IMPIAN PARA VETERAN BERPENDAPATAN RENDAH YANG INGIN MEMILIKI RUMAH YANG KONDUSIF DAN SELAMAT UNTUK KELUARGA, NAMUN TIDAK MAMPU UNTUK MENJADIKANNYA SATU KENYATAAN DISEBABKAN KOS BAHAN BINAAN YANG TINGGI DAN KEKANGAN KOS SARA HIDUP.

SUKACITA DIMAKLUMKAN BAHAWA KEMENTERIAN AKAN MENERUSKAN LAGI INISIATIF PERUMAHAN VETERAN ATM BAGI PROGRAM BINA BAHARU DAN PROGRAM BAIK PULIH RUMAH. SEBANYAK RM5.74 JUTA TELAH DIPERUNTUKKAN BAGI INISIATIF TERSEBUT UNTUK TAHUN INI. DIJANGKA SERAMAI 210 VETERAN AKAN MENERIMA MANFAAT INISIATIF PERUMAHAN TERSEBUT. ANGKA INI MUNGKIN KECIL NILAINYA BERBANDING DENGAN INISIATIF KEBAJIKAN YANG LAIN NAMUN SAYA YAKIN BESAR MAKNANYA BAGI PARA VETERAN YANG TIDAK BERKEMAMPUAN. MALAH, KEDUA-DUA PROGRAM BINA BAHARU DAN BAIK PULIH RUMAH SECARA PERCUMA INI MERUPAKAN ANTARA INISIATIF YANG MENDAPAT MAKLUM BALAS POSITIF DARIPADA KOMUNITI VETERAN.

BERCAKAP MENGENAI KOS SARA HIDUP PULA, KEMENTERIAN INI SEDAR TERDAPAT PENINGKATAN BILANGAN VETERAN DAN TANGGUNGAN YANG PERLU DIBANTU KESAN DARIPADA PANDEMIK COVID-19 DAN KAWALAN PERGERAKAN SEMASA TEMPOH PANDEMIK. TERDAPAT VETERAN YANG KEHILANGAN PUNCA PENDAPATAN AKIBAT HILANG PEKERJAAN DAN ADA JUGA YANG TERJEJAS PENDAPATAN BULANANNYA.

SEDAR DENGAN KEADAAN INI, KEMENTERIAN TELAH MEMPERTIMBANGKAN PENAMBAHAN BILANGAN PENERIMA BANTUAN SARA HIDUP DARIPADA 9000 KEPADA 15000 PENERIMA SECARA BERSASAR BAGI TAHUN INI. KEMENTERIAN AKAN MEMPERUNTUKKAN SEBANYAK RM54 JUTA BAGI TUJUAN PEMBERIAN BANTUAN INI KEPADA SEMUA PENERIMA TERSEBUT.

PARA HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

PEMBENTANGAN BAJET 2023 ATAU BAJET MADANI PADA 24 FEBRUARI YANG LALU, TELAH TURUT MENGAMBILKIRA ASPEK KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN PARA VETERAN ATM. KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN SEJUMLAH WANG BAGI

PROGRAM PENINGKATAN KOMPETENSI ATAU LATIHAN PASCA-PERKHIDMATAN, PADANAN PEKERJAAN, PELUANG KERJAYA KEDUA SEBAGAI RENJER HUTAN DAN PEKERJA SEKTOR PERTANIAN DAN LAIN-LAIN INISIATIF YANG DITAWARKAN DI BAWAH BELANJAWAN MADANI INI SEPERTI SUMBANGAN TUNAI RAHMAH SEHINGGA 3,100 RINGGIT BAGI KELUARGA VETERAN MISKIN TEGAR, GERAN PADANAN DAN DANA PEMBIAYAAN UNTUK PARA USAHAWAN.

SELAIN ITU, KERAJAAN JUGA PRIHATIN DENGAN KELUHAN VETERAN YANG PERLU MENYELESAIKAN KESELURUHAN BAKI PINJAMAN SELEPAS MENAMATKAN PERKHIDMATAN. OLEH YANG DEMIKIAN, KERAJAAN TELAH BERSETUJU SUPAYA **LPPSA MENAWARKAN PELUANG UNTUK ANGGOTA MENERUSKAN BAYARAN BALIK BAKI PINJAMAN SEPERTI BIASA.** USAHA INI AKAN MEMBOLEHKAN 4,000 PEMINJAM SEMASA MENSTRUKTUR SEMULA PEMBIAYAAN TERMASUK YANG BAKAL BERSARA.

SEBENARNYA, TERDAPAT PELBAGAI LAGI MANFAAT YANG DITAWARKAN DI BAWAH BAJET MADANI INI TERMASUKLAH DALAM ASPEK PENGURUSAN KESIHATAN DAN LAIN-LAIN LAGI. SAYA

MENYERU PARA HADIRIN DAN HADIRAT UNTUK MENGAMBIL SEGALA PELUANG YANG TAWARKAN DI BAWAH BELANJAWAN INI. SEMOGA SEGALA MANFAAT YANG DISASARKAN UNTUK **'MEMBANGUN MALAYSIA MADANI'** DAPAT DINIKMATI SEPENUHNYA OLEH RAKYAT TERUTAMANYA PARA VETERAN YANG DIHORMATI.

DI DALAM MENYAMBUT KEMERIAHAN AIDILFITRI YANG BAKAL MENJELMA TIDAK LAMA LAGI, KERAJAAN TURUT TIDAK MELUPAKAN PARA PESARA TERMASUKLAH PARA VETERAN. JUSTERU, KERAJAAN TELAH MENGUMUMKAN PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2023 KEPADA SEMUA PENJAWAT AWAM DAN TURUT DIPANJANGKAN KEPADA SEMUA PESARA TERMASUK VETERAN BERPENCEN DAN TIDAK BERPENCEN. BAYARAN BKK AIDILFITRI INI AKAN DIBAYAR SECARA BERPERINGKAT KEPADA SEMUA VETERAN SEBELUM 17 APRIL.

SESUNGGUHNYA PEMBERIAN BKK INI ADALAH SATU BERITA GEMBIRA BUAT SEMUA DAN SEMOGA IANYA SEDIKIT SEBANYAK DAPAT MEMBANTU PARA VETERAN DALAM MENYAMBUT

PERAYAAN INI. SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG ISU BERKENAAN PENERIMAAN BKK INI, BOLEHLAH TERUS MENGHUBUNGI JHEV CAWANGAN NEGERI ATAU SALURKAN ADUAN MELALUI SISTEM ADUAN JHEV YANG SEDIA ADA ATAU LAIN-LAIN PLATFORM RASMI JABATAN.

SEMOGA SEGALA BANTUAN SEUMPAMA INI DAPAT DITERUSKAN BAGI KOMUNITI VETERAN DAN DITAMBAHBAIK UNTUK TAHUN-TAHUN MENDATANG. INSHAALLAH.

BAGI MEMASTIKAN KEMENTERIAN DAN JHEV KHUSUSNYA DAPAT TERUS MEMBANTU TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, SAYA TURUT MENYERU PARA HADIRIN DAN HADIRAT DI DEWAN INI UNTUK SAMA-SAMA BERGANDING BAHU KHUSUSNYA DALAM MENCARI SOLUSI KEPADA SEBARANG PERMASALAHAN DENGAN BAIK DAN SECARA HARMONI.

### **PENUTUP**

AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH DAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM PEDULI VETERAN

PADA HARI INI. SAYA BERHARAP, PELAKSANAAN PROGRAM INI BERJAYA MENCAPAI OBJEKTIF UTAMANYA IAITU KE ARAH MEMANTAPKAN DAN MEMPERKASAKAN USAHA KERAJAAN DALAM MEMASTIKAN KEBAJIKAN VETERAN ATM DAN KELUARGA SENTIASA TERPELIHARA.

**SEKIAN,                      WABILAAHITAUFIQ                      WALHIDAYAH**  
**WASSALAAMUALAIKUM WARAHMATULLAAHI WABARAKAATUH.**